

24/02/1998

Barang kemas mampu kukuhkan ekonomi negara

Jami'ah Shukri

KEGAWATAN ekonomi yang melanda negara sedikit sebanyak mampu mengubah mentaliti sesetengah wanita di negara ini yang suka menghabiskan wang ringgitnya untuk membeli barangan perhiasan, pakaian dan keperluan asas lain kepada semangat dan sikap menabung.

Cadangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menggalakkan wanita menjual barang kemas mereka sebagai satu usaha berjimat cermat melalui penabungan, sekali gus mampu mengukuhkan dana dan institusi kewangan negara.

Langkah itu bagi mengembalikan semula masalah krisis ekonomi itu turut disambut baik oleh wanita di Perak menerusi kempen menjual barang kemas dengan hasilnya disimpan dalam bank bagi mengukuhkan kewangan negara.

Pengarah Syarikat D S Jewellers, Amaluddin Ismail, yang dipertanggungjawab membeli barangan kemas itu berkata, kempen menjual barang kemas anjuran Pergerakan Wanita Umno Perak, baru-baru ini menunjukkan mereka memahami hasrat kerajaan untuk menggalakkan penabungan.

Setakat ini, RM650,000 barang kemas sudah dijual oleh wanita di Perak sejak pelancaran kempen itu, 14 Februari lalu.

Menurutnya, melalui cara itu, wanita juga boleh mengelak pembaziran jika menyimpannya dalam peti apabila mendapati barangan kemas yang sudah rosak, lama, luntur dan buruk, sebaliknya ia wajar dijual semula.

Penjualan barangan kemas pada waktu ini ada masa yang paling tepat dan tidak merugikan kerana harga barang kemas di pasaran sekarang adalah tinggi.

"Setiap barangan kemas yang dijual itu tidak akan susut nilainya walaupun ia sudah lama, buruk atau rosak kerana harga emas itu bergantung kepada harga pasaran semasa mengikut jenisnya," katanya di Ipoh.

Katanya, prosedur penjualan barang kemas itu yang dikendalikan bersama antara syarikat D S Jewellers dan Bank Rakyat ialah dengan menilainya mengikut harga emas di pasaran semasa dan berat mengikut satu gram emas yang ditolakkan sebanyak 22 peratus.

"Selepas itu, semua barangan kemas itu akan terus dijual ke Australia, India, Brunei Darussalam dan Singapura.

"Penjualan barang kemas ke negara terbabit akan meningkatkan kadar kecairan rizab institusi kewangan dan sekali gus mampu mengukuhkan ekonomi negara," katanya.

Beliau yang juga Presiden Persatuan Kedai-kedai Emas Perak, berkata jenis emas yang didapati di negara ini ialah suasa, iaitu campuran antara tembaga, perak dan emas sebanyak 35 peratus yang dijual dengan harga RM18 setiap satu gram (gm) tetapi harga emas sering berubah setiap hari serta mengikut harga pasaran setiap hari.

Selain itu, ketika ditemubual pada 18 Februari lalu, emas campur dijual RM20 (40 peratus), emas paun RM36/gm (750 peratus), emas 835 RM39/gm (835 peratus), emas 916 RM41/gm (916 peratus) dan 9.999 RM43/gm (9.999 peratus).

Katanya, daripada jenis emas berkenaan, jenis 9.999 atau dikenali 'emas kertas' mempunyai kualiti yang terbaik kerana ia tidak dicampurkan dengan logam lain.

"Corak dan reka bentuk sesuatu jenis emas itu turut mempengaruhi harga barang kemas itu. Bagi emas yang mempunyai reka bentuk yang unik dan agak sukar dibuat ia dijual pada harga mahal berbanding bentuk yang mudah," katanya.

Beliau berkata, hampir 95 peratus wanita di negara ini membeli emas 916 kerana ia lebih berkilat dan berkilau berbanding emas kertas dan yang lainnya.

"Adalah lebih baik wanita menjual barangan kemas mereka daripada ia dipajak gadaikan atau dibiarkan begitu sahaja," katanya.

Amaluddin, antara tip utama yang perlu diingati oleh orang ramai ketika membeli barang kemas untuk mengelak ditipu, iaitu dengan melihat logo jenis emas dicop pada emas terbabit, memastikan harga emas pasaran semasa, harga upah emas itu dan membeli emas di kedai yang dikunjungi.

Selain itu, orang ramai juga dinasihatkan meminta penjual emas menanggalkan tag kertas yang tertulis berat sesuatu emas itu untuk memastikan berat sebenar emas itu sebelum ditimbang.

Amaluddin sudah menceburi bidang perniagaan emas sejak 1980-an itu, kini mempunyai tiga cawangan kedai emas iaitu di D S Jewellers No 21, Jalan Lahat, Jalan Taming Sari, Taiping dan Kedai Emas DS Nur, Jalan Silibin, Ipoh.

Semua lapan adik beradiknya memiliki kedai emas sendiri selepas menimba pengalaman melalui bapanya yang membuka kedai emas di Taiping.

(END)